

# NORBEAT TABLET

PROPRANOLOL HYDROCHLORIDE TABLET 40 MG

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Norbeat Tablet
2. Bagaimana Norbeat Tablet Berfungsi
3. Sebelum mengambil Norbeat Tablet
4. Cara menggunakan Norbeat Tablet
5. Semasa menggunakan Norbeat Tablet
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara Penyimpanan dan Pelupusan Norbeat Tablet
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh Kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan Norbeat Tablet

Ubat ini digunakan untuk merawat tekanan darah tinggi, mengawal ritma jantung yang tidak teratur (aritmia) dan untuk melegakan sakit dada yang disebabkan oleh angina.

Ia juga boleh membantu selepas serangan jantung. Ubat ini juga digunakan untuk mencegah sakit kepala, migrain, mengurangkan gegaran yang tidak terkawal dan membantu masalah tertentu yang berkaitan dengan kelenjar tiroid dan kelenjar adrenal.

## Bagaimana Norbeat Tablet Berfungsi

Norbeat Tablet ialah penghalang beta. Penghalang beta mengurangkan beban kerja pada jantung dan membantu ia untuk degupan lebih kerap.

## Sebelum mengambil Norbeat Tablet

### Bila tidak boleh mengambil

Beritahu doktor jika anda ada masalah seperti senarai di bawah dan ini akan membantu doktor untuk membuat keputusan kesesuaian pemberian Norbeat Tablet kepada anda.

- *Raynaud's disease*-masalah peredaran darah terutama pada jari (kaki dan tangan).
- Hipertensi malignan-Tekanan darah menjadi tinggi secara tiba-tiba dan cepat.

- Asma Bronkus-Kesan dimana saluran pernafasan menjadi sempit dan radang.
- Bradikardia sinus-jantung berdegup dengan perlahan.
- Sesetengah sekatan jantung-Dimana proses penyaluran biasa arus impuls kepada jantung menjadi lambat.
- Masalah Jantung kongestif- Pengurangan penerimaan darah dan oksigen untuk tisu dalam badan kerana degupan jantung perlahan.
- *Myasthenia gravis*-Otot mudah menjadi lemah dan letih.
- Hypersensitif dengan Propranolol.

## Sebelum mula mengambil

Beritahu doktor jika anda ada tindak balas luar biasa atau alahan kepada propranolol, penghalang beta yang lain, ubat, makanan, pewarna atau pengawet. Selain itu beritahu doktor jika anda hamil atau mencuba untuk hamil dan sedang menyusu.

## Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor jika anda mengambil atau sedang mengambil ubat lain seperti senarai dibawah:

- *Phenothiazines* dan *Ejen Antipsychotic* lain
- *Ejen sympathomimetic*
- *Ejen Antimuscarinic* dan ubat dengan kesan *anticholinergic*.
- Diuretik dan ubat kardiovaskular
- *Ejen penyekat neuromuscular*
- Alkaloid ergot
- Ibuprofen, ubat tahan sakit, ubat anti-radang bukan steroid (*NSAIDS*) terutamanya indomethacin.
- Terapi hipoglisemik, agen antidiabetik, oral, atau insulin
- Agen penyekat saluran kalsium dan Nifedipine
- *Digitalis glycosides*

## Cara menggunakan Norbeat Tablet

### Berapa banyak harus diambil

Propranolol diberikan secara oral. Dos ditentukan oleh tindak balas pesakit. Rawatan harus bermula dengan dos yang kecil dan ditingkatkan secara beransur-ansur.

Dos permulaan untuk darah tinggi ialah 40-80mg Propranolol dua kali sehari. Dos boleh ditingkatkan kepada 160-320mg sehari. Sesetengah pesakit mungkin memerlukan 640mg sehari.

Propranolol tidak sesuai untuk rawatan kecemasan tekanan darah tinggi, ia tidak boleh diberikan secara intravena dalam darah tinggi.

Untuk sakit dada,dos permulaan ialah 40mg Propranolol 2-3 kali sehari. Dos boleh ditingkatkan setiap minggu mengikut keperluan ke 120-240mg sehari.Sesetengah pesakit mungkin memerlukan sehingga 320 mg setiap hari.

Propranolol boleh diambil dalam masa 5-21hari selepas serangan jantung untuk mengelakkan berlakunya serangan jantung semula dalam dos 40mg 4 kali sehari selama 2-3 hari, diikuti dengan 80mg dua kali sehari. Regimen lain ialah pemberian 180-240mg sehari dalam dos terbahagi.

Propranolol boleh diberikan dalam dos 30 hingga 160 mg setiap hari dalam dos yang dibahagikan dalam pengambilan jangka panjang degupan jantung yang tidak sekata, ada yang mencadangkan dos sehingga 320 mg setiap hari.

Dos bagi *thyrotoxicosis*( hormon tiroid yang berlebihan dalam darah) dan dalam *thyrotoxic crisis*(akut,keadaan membawa maut akibat penghasilan hormon tiroid yang melampau oleh penghidap *thyrotoxicosis*)biasanya 10 hingga 40 mg tiga atau empat kali sehari.

# NORBEAT TABLET

PROPRANOLOL HYDROCHLORIDE TABLET 40 MG

*Phaeochromocytoma(catecholamine-secreting tumor yang jarang dikesan,namun ia boleh mempercepatkan tekanan darah tinggi yang boleh membahayakan nyawa.), dos 60mg sehari perlu diberikan untuk 3 hari pra-pembedahan selalunya dengan penghalang alfa.*

Jika tumor tidak dapat dibedahkan, rawatan berpanjangan boleh diberikan dengan dos harian 30mg.

Satu dos yang dicadangkan untuk *anxiety* adalah 40 mg setiap hari; ini boleh meningkat kepada 40 mg dua atau tiga kali sehari.

Dos permulaan 40 mg dua atau tiga kali sehari digunakan dalam pencegahan migrain; dos boleh meningkat pada setiap minggu sehingga 160 mg setiap hari. Sesetengah pesakit telah diberikan 240 mg setiap hari.

*Stenosis subaortic hypertrophic*  
(pembesaran,halangan atau pengeciran saluran darah dalam jantung) , dos biasa propranolol adalah 10 hingga 40 mg diberi tiga hingga empat kali sehari.

Gegaran esensial boleh dirawat dengan 40 mg diberi dua hingga tiga kali setiap hari.Dos boleh meningkat pada setiap minggu kepada 160 mg setiap hari walaupun sesetengah orang mungkin memerlukan dos sehingga 320 mg.

## Kanak-kanak

Propranolol telah digunakan dalam rawatan tekanan darah tinggi pada kanak-kanak dalam dos permulaan 1 mg per kg berat badan setiap hari dalam dos terbahagi, dos boleh ditingkatkan mengikut keperluan kepada 2-4mg/kg sehari dalam dos terbahagi.

Untuk *aritmia, phaeochromocytoma, dan thyrotoxicosis*, dos yang dicadangkan ialah 250 hingga 500 µg per kg tiga atau empat kali sehari secara oral. Kanak-kanak di bawah umur 12 tahun boleh diberikan 20 mg dua atau tiga kali sehari untuk rawatan pencegahan migrain.

## Bila perlu diambil

Ambil Norbeat seperti mana yang dinasihatkan oleh doktor atau ahli farmasi anda.

## Berapa lama perlu diambil

Patuhi nasihat doktor.

## Jika anda terlupa mengambil

Ambil dos yang tertinggal dengan segera jika hampir dengan dos seterusnya, tinggalkan dos yang tertinggal dan teruskan dengan dos berikutnya. Jangan gandakan dos untuk menggantikan dos yang tertinggal.

## Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Dapatkan bantuan perubatan secepat mungkin.

## Semasa menggunakan Norbeat Tablet Perkara yang perlu dilakukan

Iikut nasihat doktor.

## Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti mengambil ubat tanpa nasihat doktor.

Jangan beri ubat ini kepada orang lain yang mengalami masalah sama.

## Perkara yang perlu diberi perhatian

- Penghalang Beta mungkin boleh menyembunyikan kesan hipertiroidisme (kelenjar tiroid menghasilkan terlalu banyak hormon tiroid) dan hipoglisemia(kandungan gula dalam darah yang rendah).
- Penghalang Beta mungkin boleh mendedahkan kesan *myasthenia gravis*(otot mudah menjadi lemah dan letih). Sindrom atau pertambahan keterukan *myasthenia gravis* pernah dilaporkan.
- Psoriasis(masalah kulit kronik yang menyebabkan sel kulit tumbuh dengan cepat ,mengakibatkan kulit menjadi tebal, diliputi sisik keputih-putihan atau tompek-tompok merah.
- Kesan ubat penghalang beta keatas pesakit tua dengan tekanan darah tinggi mungkin tidak sebaik pesakit muda.
- Perhatian perlu diberikan apabila rawatan dimulakan kepada pesakit dengan masalah hati atau buah pinggang. Dos mungkin perlu dikurangkan pada pesakit-pesakit ini.
- Pemberhentian mendadak penghalang beta kadang-kadang boleh menyebabkan masalah pada jantung.
- Pesakit yang menjalani rawatan jangka panjang dengan penghalang beta harus memberhentikan ubat mereka secara beransur-ansur dalam tempoh 1 hingga 2 minggu.
- Pengamal perubatan profesional menggalakkkan pengurangan secara beransur-ansur dan sementara sebelum anestesia supaya kawalan peredaran darah lebih baik.
- Mengandung – kegunaan penghalang beta semasa mengandung belum dikaji sepenuhnya.Beritahu doktor anda jika anda hamil atau sedang cuba untuk hamil.
- Menyusu - Ia meresap ke dalam susu ibu. Sila dapatkan nasihat doktor jika anda ingin menyusu semasa mengambil Norbeat Tablet.

# NORBEAT TABLET

*PROPRANOLOL HYDROCHLORIDE TABLET 40 MG*

## Kesan Sampingan

Seperti ubat lain, NorbeatTablet juga boleh memberikan kesan-kesan sampingan walaupun bukan semua yang mendapatnya.

Antaranya ialah kegagalan jantung, sekatan jantung dan *bronchospasm*.

Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan,walaupun bukan seperti senarai di atas, selepas menggunakan ubat ini.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui  
No. Tel: 03-78835550, atau laman web [portal.bpfk.gov.my](http://portal.bpfk.gov.my) (*Consumers Reporting*).

**No.MAL: MAL19950083A**

## Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk

SM PHARMACEUTICALS SDN.BHD.  
(218628-M)  
Lot 88, Sungai Petani Industrial Estate  
08000, Sungai Petani  
Kedah Darul Aman,Malaysia

**Tarikh Kemaskini: 02.10.2014**

## Nombor Siri

BPFK(R4/1)021014/00025

## Cara Penyimpanan dan Pelupusan

### Penyimpanan

Simpan pil pada suhu kurang daripada 25°C.Jauhkan daripada suhu panas,cahaya dan kelembapan serta JAUHKAN DARIPADA KANAK-KANAK.

### Pelupusan

Ubat tidak boleh dilupuskan melalui air buangan atau buangan isi rumah.Langkah-langkah ini akan membantu melindungi persekitaran.

## Maklumat Lanjut

### Rupa dan warna produk

Putih, berbentuk bulat,tidak bersalut filem dengan pemukaan cekung .

### Bahan-bahan Kandungan

Bahan aktif yang digunakan ialah propranolol hidroklorida 40 mg dan bahan tidak aktif ialah *Talc,Corn Starch,Lactose,Magnesium Stearate,Povidone*